

Polis serbu sebuah restoran jadi pusat pembelian etnik Rohingya di Kuala Lumpur

# Sindiket jual kanak-kanak tumpas

**KUALA LUMPUR** – Polis menumpaskan satu sindiket penjualan kanak-kanak etnik Rohingya pada harga RM1,200 hingga RM1,500 seorang untuk tujuan mengemis dan dijadikan pekerja binaan dalam serbuan di sebuah restoran di Jalan Hang Kasturi di sini kelmarin.

Dalam serbuan pada pukul 11 pagi itu, sembilan kanak-kanak dan dua remaja yang dikurung di premis terbabit berjaya diselamatkan.

Serbuan itu dilakukan oleh sepasukan pegawai dan anggota polis dari Bahagian Kongsi Gelap, Judi dan Maksiat (D7) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi.

Timbalan Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Superintendan Habibi Majinji berkata, pihaknya berjaya menahan empat lelaki dan dua wanita berusia lingkungan 25 hingga 30 tahun di restoran itu yang juga dijadikan sebagai tempat tinggal kanak-kanak berkenaan.

“Kesemua suspek merupakan warga Myanmar dan dua lelaki yang ditahan dipercayai penjaga premis manakala dua lagi merupakan pembeli.

“Dalam serbuan itu, kita berjaya menyelamatkan 11 individu termasuk sembilan kanak-kanak.

“Kesemua mereka berusia dalam lingkungan 10 hingga 20 tahun,” katanya pada



**HABIBI** (kiri) menunjukkan barang yang dirampas dalam serbuan di sebuah restoran disyaki menjadi pusat penjualan kanak-kanak Rohingya pada sidang akhbar di IPD Dang Wangi, Kuala Lumpur semalam.

sidang akhbar di IPD Dang Wangi di sini semalam.

Habibi berkata, pihaknya turut rampas lima buah buku catatan penjualan kanak-kanak, enam buah telefon bimbit dan wang tunai berjumlah RM12,400.

Menurutnya, berdasarkan semakan ke

atas buku catatan itu, seramai enam individu telah dijual oleh sindiket ini.

Beliau berkata, pihaknya kini masih meniasati siapa yang membeli kanak-kanak itu.

“Kita percaya kanak-kanak itu merupakan antara 17 individu yang berjaya dise-

**INFO**

**Sindiket jual kanak-kanak etnik Rohingya**

- Kanak-kanak etnik Rohingya dibeli sindiket daripada ejen di sempadan negara dengan harga tertentu
- Selepas dibeli, kanak-kanak itu dibawa ke ibu kota dengan jalan darat dan dikurung di sebuah restoran di Jalan Hang Kasturi, Kuala Lumpur
- Kanak-kanak itu dijual untuk dijadikan pengemis dan pekerja binaan

lamatkan selepas dibawa masuk ke dalam negara dalam tiga tempoh berbeza sejak 26 Mei lalu.

“Sindiket yang aktif sejak lima hingga enam tahun lalu itu dipercayai mendapatkan kanak-kanak tersebut daripada ejen luar di sempadan negara dengan harga tertentu sebelum dibawa pulang ke Kuala Lumpur.

“Mereka kemudian akan dikurung sehingga ada pihak yang datang untuk membeli mereka,” katanya.

Jelasnya, kes disiasat mengikut Seksyen 14 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.